



Kenyataan Pra-Bajet 2023

**Kementerian Kewangan Malaysia
3 Jun 2022**




Isi Kandungan

Pengenalan	4
Pendahuluan.....	4
Bidang tumpuan utama Bajet 2022.....	5
Status semasa inisiatif utama di bawah Bajet 2022.....	5
Status semasa inisiatif utama di bawah pakej rangsangan dan bantuan.....	6
Kedudukan Ekonomi dan Fiskal Semasa	7
Senario ekonomi global.....	7
Semakan prestasi KDNK 2022	7
Tinjauan fiskal.....	9
Strategi Hasil Percukaian	11
Status prestasi hasil percukaian 2022.....	11
Inisiatif percukaian 2022	12
Pengurusan ketirisan hasil	13
Komitmen Malaysia di peringkat antarabangsa	14
Strategi meningkatkan hasil percukaian.....	15
Strategi pemantapan sistem percukaian.....	15
Strategi Perbelanjaan	16
Prestasi perbelanjaan 2022	16
Strategi perbelanjaan awam – pengoptimuman dan pengawalanperbelanjaan...	18
Tumpuan Bajet 2023	19
Tinjauan ekonomi makro 2023	19
Tema Bajet 2023 – Memperkukuh Pemulihan, Memudah Cara Pembaharuan ke arah Kemampanan Daya Tahan Ekonomi dan Kesejahteraan Keluarga Malaysia	21
Rakyat	22
Meningkatkan pendapatan.....	22
Kesejahteraan holistik.....	23
Perlindungan sosial.....	23
Bantuan secara bersasar	24
Perniagaan	25
Daya saing perusahaan kecil dan sederhana	25
Produktiviti	25
Pemulihan industri pelancongan	26
Bidang pertumbuhan baharu	26

Ekonomi	29
Pembangunan inklusif.....	29
Pertumbuhan hijau dan pertumbuhan yang mampan	29
Ekonomi Islam	30
Sekuriti makanan	30
Kerajaan	32
Tadbir urus.....	32
Penyampaian perkhidmatan awam.....	32
Pengurusan risiko bencana	33
Memperkukuhkan daya tahan kesihatan awam	33
Penutup.....	35

BAJET 2023:
MEMPERKUKUH PEMULIHAN, MEMUDAH CARA PEMBAHARUAN
KE ARAH KEMAMPANAN DAYA TAHAN EKONOMI DAN KESEJAHTERAAN KELUARGA MALAYSIA

Fokus Bajet 2023

<u>Tema</u>	 Rakyat	 Perniagaan	 Ekonomi	 Kerajaan
Keutamaan				
Memperkukuh Momentum Pemulihan Ekonomi	Memacu pertumbuhan untuk mewujudkan pekerjaan dan meningkatkan pendapatan	Menyokong industri pelancongan dan sektor terjejas pasca COVID	Memanfaatkan kelebihan berbanding – ekonomi Islam	Menambah baik penyampaian perkhidmatan awam dan memudah cara urusan menjalankan perniagaan
Memperkukuh Daya Tahan Ekonomi	Menguatkan perlindungan sosial Menyediakan bantuan bersasar bagi mendepani peningkatan kos sara hidup	Meningkatkan daya saing SME Meningkatkan produktiviti termasuk melalui digitalisasi	Mengurangkan jurang antara wilayah dan komuniti melalui pembangunan inklusif	Menjamin sekuriti makanan Menguatkan daya tahan kesihatan awam
Melaksanakan Pembaharuan Komprehensif	Menambah baik kehidupan ke arah kesejahteraan holistik	Memangkin bidang pertumbuhan baharu dan meningkatkan rantaian nilai	Menggalakkan pertumbuhan hijau dan pembangunan mampan	Menambah baik tadbir urus dan pengurusan risiko bencana

Tinjauan Ekonomi dan Kedudukan Fiskal

Memanfaatkan Pemulihan Ekonomi Global	Menguruskan risiko akibat ketidakpastian dan ketidakstabilan geopolitik	Mengurangkan tekanan inflasi harga komoditi dan makanan	Mengimbangi pertumbuhan dengan konsolidasi fiskal
---------------------------------------	-------------------------------------------------------------------------	---------------------------------------------------------	---------------------------------------------------

Pendahuluan

1. Selaras dengan komitmen Kerajaan untuk meningkatkan ketelusan dan tadbir urus proses penyediaan bajet, Kenyataan Pra-Bajet diterbitkan untuk kali kedua, bagi berkongsi hala tuju dan fokus Bajet 2023. Peralihan daripada pemulihan kepada inisiatif pembaharuan merupakan fokus utama Bajet 2023 berbanding Bajet 2022. Seiring dengan momentum pemulihan ekonomi pascaCOVID-19 yang semakin kukuh, Kerajaan akan memberi tumpuan kepada pembaharuan untuk meningkatkan kesejahteraan rakyat terutamanya pendapatan dan perlindungan sosial, daya saing perniagaan serta rantai nilai di samping memperkukuh daya tahan negara terhadap kejutan masa hadapan serta melaksanakan konsolidasi fiskal Kerajaan. Bajet 2023 juga berhadapan dengan cabaran ketidaktentuan geopolitik yang semakin meruncing dan impaknya terhadap prospek pertumbuhan global yang mengakibatkan tekanan inflasi terutamanya harga komoditi dan makanan serta gangguan bekalan. Dalam konteks Malaysia, cabaran ini memerlukan pengurusan subsidi yang lebih bersasar dan mampan.
2. Sepanjang tempoh pandemik, berbilion ringgit telah disediakan dan disuntik ke dalam ekonomi untuk mengelakkan kemelesetan yang lebih teruk. Hasilnya, ekonomi negara dapat kembali pulih dengan pantas untuk mencapai pertumbuhan sebanyak 3.1% pada tahun 2021 berbanding penguncupan 5.5% pada tahun 2020. Pencapaian ini direalisasikan melalui pelbagai pakej rangsangan ekonomi dan bantuan serta dasar fiskal yang mengembang dan dasar monetari yang akomodatif dalam meletakkan semula ekonomi pada trajektori pemulihan pertumbuhan. Pada tahun 2022, ekonomi negara dijangka berkembang pada kadar 5.3% – 6.3%.
3. Bajet 2023 akan terus mengutamakan kesejahteraan rakyat dan pembaharuan ekonomi bagi memastikan pertumbuhan ekonomi yang lebih mampan dalam jangka masa sederhana. Keterangkuman akan turut diberi penekanan dengan tumpuan untuk memastikan kemampanan fiskal negara serta pengagihan kekayaan yang adil dan saksama. Menyedari kesan ketara ketidaktentuan geopolitik dan risiko iklim kepada negara, inisiatif berkaitan aspek kemampanan turut diambil kira dalam Bajet 2023. Tempoh pascaCOVID-19 ini penting untuk melaksanakan pembaharuan yang akan

memperkuh daya tahan Malaysia terhadap kejutan masa hadapan supaya negara kekal relevan dan berdaya saing dalam menghadapi cabaran baharu serta mencapai hasrat menjadi negara berpendapatan tinggi dalam jangka masa sederhana. Semasa menyediakan dan memuktamadkan Bajet 2023, Kerajaan komited untuk melaksanakan sesi libat urus dengan orang awam dan pihak berkepentingan secara meluas untuk mendapatkan input dan cadangan selaras dengan keutamaan yang telah dikenal pasti bagi Bajet 2023.

Bidang tumpuan utama Bajet 2022

4. Tema Bajet 2022, “Keluarga Malaysia, Makmur Sejahtera” adalah berteraskan kepada tiga falsafah iaitu Pemulihan, Daya Tahan dan Pembaharuan. Falsafah ini menjadi teras kepada strategi Bajet 2022 yang memfokuskan kepada tiga matlamat iaitu Kesejahteraan Rakyat, Perniagaan yang Berdaya Tahan dan Ekonomi yang Makmur dan Mampan. Berdasarkan matlamat tersebut, sekitar RM332.1 bilion telah disediakan dalam Bajet 2022 iaitu peruntukan tertinggi berbanding bajet-bajet sebelum ini yang secara langsung menunjukkan komitmen Kerajaan ke arah pemulihan ekonomi yang kukuh.

Status semasa inisiatif utama di bawah Bajet 2022

5. Selaras dengan matlamat utama Bajet 2022, pelaksanaan inisiatif Bajet 2022 telah dikategorikan kepada tiga segmen utama iaitu Rakyat, Perniagaan dan Ekonomi. Bagi tujuan tersebut, Jawatankuasa Pemantauan Bajet 2022 yang dipengerusikan oleh YAB Perdana Menteri dan diselaraskan oleh Kementerian Kewangan diwujudkan bagi memantau 282 inisiatif strategik dengan anggaran peruntukan sebanyak RM112.5 bilion.

6. Antara inisiatif utama adalah Jamin Kerja Keluarga Malaysia yang bertujuan untuk menjamin 600,000 peluang pekerjaan dengan peruntukan RM4.8 bilion dan Semarak Niaga yang menyediakan pembiayaan dan jaminan bernilai lebih RM40 bilion bagi menyokong pemulihan dan membina semula kapasiti serta daya saing perniagaan. Sehingga April 2022, lebih daripada 149,000 rakyat telah mendapat pekerjaan melalui inisiatif Jamin Kerja Keluarga Malaysia manakala Semarak Niaga telah memanfaatkan lebih 33,000 perniagaan.

7. Sebagai tambahan, seramai 8.6 juta rakyat telah mendapat manfaat daripada inisiatif Bantuan Keluarga Malaysia yang bernilai lebih daripada RM1.9 bilion. Selain itu, dianggarkan seramai 1.7 juta belia telah menerima bantuan e-Pemula yang bernilai RM150 seorang. Sehingga April 2022, lebih daripada RM260 juta telah dibelanjakan melalui inisiatif ini. Secara keseluruhan, sehingga April 2022, 257 daripada 282 inisiatif strategik yang dipantau oleh Jawatankuasa Pemantauan Bajet 2022 telah mula dilaksanakan dengan baki 25 inisiatif lagi akan dilancarkan pada separuh kedua tahun ini.

Status semasa inisiatif utama di bawah pakej rangsangan dan bantuan

8. Sebanyak empat lagi pakej rangsangan ekonomi telah diumumkan dalam tahun 2021 sebagai usaha Kerajaan bagi memastikan kesejahteraan rakyat, kelangsungan perniagaan dan daya tahan ekonomi iaitu Pakej Bantuan Perlindungan Ekonomi dan Rakyat Malaysia (PERMAI), Program Strategik Memperkasa Rakyat dan Ekonomi (PEMERKASA), PEMERKASA Tambahan dan Pakej Perlindungan Rakyat dan Pemulihan Ekonomi (PEMULIH). Sehingga kini, Program Subsidi Upah, Diskaun Bil Elektrik, Skim Pinjaman Mikro Kredit, *Biodiversity Protection and Patrol Programme* serta Bon Kelestarian telah berjaya mencapai objektif.

9. Daripada 21 inisiatif yang telah diumumkan di bawah PERMAI dengan peruntukan berjumlah RM15 bilion, sebanyak 17 inisiatif telah selesai dan berjaya mencapai objektif termasuk BPN 2.0, Internet Percuma serta penjadualan semula dan pelanjutan tempoh moratorium untuk pinjaman.

10. PEMERKASA dengan peruntukan sebanyak RM20 bilion terdiri daripada 37 inisiatif jangka panjang dengan 20 daripadanya masih dalam pelaksanaan. Antaranya, Program Tunas Usahawan Belia Bumiputera (TUBE) dan *Automation Digitalisation Facility* (ADF).

11. PEMERKASA Tambahan yang diumumkan dengan peruntukan sebanyak RM40 bilion terdiri daripada 14 inisiatif dengan satu inisiatif masih dalam pelaksanaan. Antara inisiatif utama yang berjaya dilaksanakan ialah Bantuan Bayaran Balik Pinjaman Bersasar dengan anggaran nilai sebanyak RM30 bilion.

12. PEMULIH mempunyai 43 inisiatif strategik yang dipantau dengan enam inisiatif jangka masa panjang dan 10 inisiatif jangka masa pendek masih dalam pelaksanaan. Antara inisiatif strategik di bawah PEMULIH yang telah selesai adalah kemudahan Pengeluaran i-Citra Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) yang bertujuan menyokong kelangsungan hidup pencarum serta program Bakul Makanan yang disalurkan melalui ahli Parlimen.

Kedudukan Ekonomi dan Fiskal Semasa

Senario ekonomi global

13. Dalam penerbitan terkini, Tabung Kewangan Antarabangsa (IMF) telah menyemak semula unjuran ekonomi global berkembang pada kadar yang lebih perlahan sebanyak 3.6% pada 2022 selepas mencatat pertumbuhan yang kukuh sebanyak 6.1% pada 2021. Semakan semula tinjauan pertumbuhan yang perlahan ini adalah disebabkan oleh situasi peperangan di Ukraine yang dijangka semakin meruncing, peningkatan sekatan ke atas Rusia, kemungkinan sekatan pergerakan yang lebih ketat sebagai sebahagian daripada strategi sifar COVID-19 di China serta ketidakpastian kemunculan dan penyebaran varian virus yang baharu. Pertumbuhan perdagangan dunia yang meningkat sebanyak 10.1% pada 2021 juga dijangka lebih rendah iaitu 5% pada 2022.

14. IMF juga mengunjurkan purata harga minyak mentah dunia kekal tinggi iaitu USD107 setong pada 2022 berikutan ketegangan geopolitik di Ukraine. Kadar inflasi pula diunjur 5.7% untuk negara maju dan 8.7% untuk negara yang berkembang pesat dan negara membangun disebabkan oleh harga komoditi dan makanan yang tinggi.

Semakan prestasi KDNK 2022

15. Aktiviti ekonomi kembali pulih pada 2021 dengan pertumbuhan KDNK meningkat semula kepada 3.1% (2020: -5.5%) setelah mengalami kejutan penawaran dan permintaan yang ketara akibat pandemik COVID-19 pada 2020. Pertumbuhan ini terutamanya disokong oleh perbelanjaan sektor swasta yang melonjak kembali berikutan pelonggaran sekatan, penyesuaian norma baharu yang lebih baik,

peningkatan pematuhan prosedur operasi standard (SOP) dan kemajuan vaksinasi yang pantas. Penambahbaikan secara beransur-ansur dalam pendapatan dan keadaan pasaran buruh pada tahun tersebut telah menyokong perbelanjaan isi rumah. Sementara itu, aktiviti pelaburan meraih manfaat daripada perbelanjaan modal yang berterusan terutamanya dalam sektor pembuatan di samping perbelanjaan modal yang lebih tinggi oleh firma dalam automasi dan digitalisasi. Di samping itu, permintaan luar juga turut menyokong pertumbuhan ekonomi negara pada 2021.

16. Ekonomi Malaysia membuka tirai 2022 dengan mencatat prestasi ekonomi yang kukuh dengan pertumbuhan KDNK mencatat 5% pada suku pertama 2022 (S1 2022). Prestasi yang menggalakkan ini disokong oleh peningkatan permintaan domestik dan luar negeri serta pengangguran yang semakin berkurang. Pencapaian ini disumbangkan oleh dasar Kerajaan yang konsisten terutamanya inisiatif di bawah Bajet 2022 yang dilaksanakan dengan komited sejak awal tahun serta kesan limpahan daripada Bajet 2021 serta pakej rangsangan dan bantuan sebelum ini. Dalam tempoh S1 2022, KDNK bulanan telah meningkat secara konsisten iaitu 4.3% pada Januari, 5.2% pada Februari dan 5.4% pada Mac. Dari sudut dasar monetari, kenaikan Kadar Dasar Semalaman (OPR) pada Mei 2022 sebanyak 25 mata asas kepada 2.00% berbanding rekod terendah yang dicatatkan iaitu 1.75% sejak 7 Julai 2020 menunjukkan bahawa pertumbuhan domestik berada pada kedudukan yang lebih kukuh. Kenaikan ini bertujuan untuk memastikan pertumbuhan ekonomi kekal mampan dalam persekitaran harga yang stabil. Meskipun dengan peningkatan ini, kadar OPR yang dicatatkan sebelum COVID-19 adalah jauh lebih tinggi iaitu 3%, namun dasar monetari masih kekal akomodatif bagi menyokong momentum pertumbuhan.

17. Momentum pemulihan ekonomi Malaysia dijangka terus meningkat berikutan pembukaan semula ekonomi dan sempadan antarabangsa. Sekiranya berlaku lonjakan semula kes, Kerajaan menjangkakan gangguan terhadap aktiviti ekonomi dan perbelanjaan domestik akan berkurang berikutan pengurusan COVID-19 yang lebih baik dan kadar vaksinasi yang lebih tinggi. Tambahan pula, inisiatif seperti pengeluaran khas KWSP dan bantuan tunai Kerajaan akan menyokong momentum pertumbuhan ekonomi. Bajet 2022 yang mengembang dan penyambungan semula projek dengan kesan pengganda yang tinggi akan terus menyokong pertumbuhan didorong oleh pelaksanaan program pembangunan di bawah Rancangan Malaysia

Kedua Belas, 2021 – 2025 (RMKe-12). Di samping permintaan luar yang kukuh daripada rakan dagangan utama, ekonomi negara berada pada landasan yang tepat dalam mencapai sasaran unjuran pertumbuhan KDNK iaitu antara 5.3% – 6.3% pada 2022.

18. Walau bagaimanapun, sebagai sebuah ekonomi terbuka, kadar pemulihan ekonomi Malaysia sangat bergantung kepada keadaan perkembangan ekonomi global. Sebagai contoh, ketegangan geopolitik telah menyebabkan tekanan ekonomi dalam pelbagai aspek terutamanya peningkatan inflasi global akibat kenaikan harga komoditi yang berterusan. Di samping itu, terdapat risiko persekitaran kewangan global yang lebih ketat, kekurangan tenaga buruh dan peningkatan kos sara hidup akan mengehendak usaha pemulihan ekonomi.

19. Namun begitu, Kerajaan akan terus memantau pelbagai risiko ekonomi dan menguruskan sebarang kejutan luaran yang boleh menjejaskan kesejahteraan rakyat dan perniagaan. Dalam jangka masa sederhana, Kerajaan akan memberi tumpuan untuk melaksanakan pembaharuan struktur, antara lain meningkatkan produktiviti dan mengekalkan inovasi; menggalakkan kerjasama serantau untuk memastikan pembangunan infrastruktur dan pembekalan tenaga yang berdaya tahan; meningkatkan sistem perlindungan sosial; memperkukuh pembangunan modal insan; serta memastikan ketelusan dan akauntabiliti institusi awam. Langkah-langkah ini dapat menambah baik dasar secara konsisten dan keyakinan pelabur seterusnya mengukuhkan daya tahan ekonomi negara untuk terus menjadi destinasi pelaburan yang menarik.

Tinjauan fiskal

20. Selaras dengan unjuran pemulihan ekonomi, Bajet 2022 mensasarkan defisit fiskal 6% kepada KDNK berikutan prospek ekonomi global yang bertambah baik dan pembukaan semula sektor ekonomi dan sosial domestik secara beransur-ansur. IMF menganggarkan defisit fiskal 7.6% pada tahun 2022 bagi negara yang berkembang pesat dan negara membangun di rantau Asia. Sehingga akhir April 2022, kedudukan fiskal terus bertambah baik berikutan pengukuhan ekonomi domestik yang menyumbang kepada peningkatan kutipan hasil serta disokong oleh harga komoditi yang tinggi. Namun begitu, perbelanjaan mengurus juga bertambah terutamanya disebabkan oleh mekanisme pemberian subsidi bahan api semasa bagi

mengurangkan tekanan peningkatan inflasi dalam negara. Kerajaan juga masih meneruskan sokongan fiskal bagi melindungi rakyat dan perniagaan serta menyokong momentum pemulihan ekonomi melalui inisiatif-inisiatif di bawah Kumpulan Wang COVID-19 dan pelaksanaan projek pembangunan Kerajaan. Secara keseluruhan, prestasi kutipan hasil yang bertambah baik disokong oleh pengurusan perbelanjaan berhemat dan trajektori pertumbuhan yang mampan dijangka dapat mengurangkan risiko ke atas sasaran fiskal seterusnya membolehkan defisit dikekalkan pada landasan 6% kepada KDNK.

21. Ketegangan geopolitik semasa telah meningkatkan pelbagai risiko fiskal terutamanya kenaikan harga komoditi, gangguan rantai bekalan global dan dasar monetari yang semakin ketat. Walaupun kedudukan Malaysia sebagai pengeksport minyak bersih, peningkatan hasil cukai berkaitan minyak ekoran kenaikan harga minyak mentah masih tidak mampu membiayai peningkatan ketara subsidi bahan api. Pertambahan hasil daripada cukai berkaitan komoditi masih tidak mencukupi untuk membiayai sepenuhnya peningkatan subsidi terutamanya produk petroleum dan skim penstabilan minyak masak (COSS) yang dijangka meningkat kepada RM30 bilion berbanding unjuran belanjawan sebanyak RM4 bilion. Kekurangan ini dijangka akan ditampung oleh hasil tambahan yang lain termasuk langkah cukai yang diumumkan dalam Bajet 2022 seperti Cukai Makmur, Program Khas Pengakuan Cukai untuk cukai tak langsung dan perluasan skop cukai jualan dan perkhidmatan. Kerajaan bercadang untuk menambah baik program rasionalisasi subsidi melalui pendekatan yang lebih bersasar bagi meningkatkan kecekapan perbelanjaan dan mengurangkan ketirisan di samping memastikan subsidi sampai kepada golongan sasaran dan mencapai objektif yang ditetapkan.

22. Parlimen telah meluluskan kenaikan had hutang pada 2021 bagi membolehkan Kerajaan untuk mengukuhkan ekonomi domestik, menyokong momentum pemulihan dan keperluan perbelanjaan pembangunan di bawah RMKe-12. Sehingga akhir April 2022, hutang Kerajaan Persekutuan berjumlah RM1,015.7 bilion atau 62% kepada KDNK dengan hutang statutori sebanyak RM958.5 bilion atau 58.5% iaitu masih di bawah had hutang statutori sebanyak 65% kepada KDNK. Peningkatan kadar hasil kertas hutang Kerajaan seiring dengan kenaikan OPR telah memberi kesan kepada kapasiti pembayaran hutang oleh Kerajaan. Walau bagaimanapun, kenaikan ini akan diimbangi oleh prospek hasil yang lebih baik. Justeru, Kerajaan akan terus

menguruskan perbelanjaannya dan melibatkan peserta pasaran secara proaktif untuk memastikan komunikasi yang berkesan dan ketelusan dasar. Tambahan pula, penerbitan Sukuk Kelestarian dalam denominasi Dolar AS oleh Kerajaan pada tahun 2021 telah membuka jalan kepada sumber pembiayaan yang lebih pelbagai, seterusnya mengukuhkan keyakinan pelabur terhadap negara. Kerajaan juga bercadang untuk mengeluarkan Sukuk Kelestarian dalam denominasi Ringgit yang dijadualkan pada separuh kedua tahun ini sebagai tanda komitmen Malaysia ke arah menyokong agenda pembangunan mampan.

23. Melangkah ke hadapan, langkah konsolidasi fiskal akan terus dipergiat ke arah mencapai sasaran defisit fiskal 3.5% kepada KDNK pada 2025 seperti yang digariskan di bawah RMKe-12. Inisiatif pembaharuan fiskal akan diteruskan bagi memperkukuh kedudukan kewangan dengan menambah baik tadbir urus fiskal, memperluaskan asas hasil dan mengoptimumkan perbelanjaan. Ini termasuk memperkenalkan Akta Tanggungjawab Fiskal, merangka Strategi Hasil Jangka Sederhana dan menyemak semula perbelanjaan awam. Langkah ini penting bagi membina semula ruang fiskal dan mengukuhkan kedudukan fiskal seterusnya membolehkan Kerajaan melaksanakan langkah kitaran balas, meningkatkan daya tahan ekonomi dan memastikan paras hutang yang mampan.

Strategi Hasil Percukaian

Status prestasi hasil percukaian 2022

24. Bajet 2022 menetapkan anggaran sasaran kutipan hasil cukai berjumlah RM171.4 bilion atau 10.5% kepada KDNK. Kutipan ini merangkumi Cukai Langsung sebanyak RM127.3 bilion dan Cukai Tidak Langsung sebanyak RM44.1 bilion. Sehingga April 2022, kutipan Cukai Langsung mencatat sebanyak RM45.6 bilion atau 35.8% daripada sasaran manakala Cukai Tidak Langsung sebanyak RM17.3 bilion atau 39.4% daripada sasaran.

25. Kutipan hasil sehingga April 2022 adalah lebih tinggi daripada jangkaan dan kutipan selanjutnya dijangka lebih baik daripada anggaran Bajet 2022 selaras dengan pemulihan ekonomi serta peningkatan aktiviti perniagaan dan riadah.

Inisiatif percukaian 2022

26. Ketika negara memasuki fasa pemulihan, langkah cukai yang dianggarkan berjumlah RM6.2 bilion telah diumumkan dalam Bajet 2022 dengan fokus utama kepada usaha kutipan hasil tambahan dan terus menyediakan bantuan kepada kumpulan dan sektor yang terjejas. Inisiatif utama yang diperkenalkan termasuk:

Kesejahteraan rakyat

- Pelepasan cukai pendapatan individu untuk perbelanjaan pemeriksaan perubatan penuh diperluas untuk menampung kos pemeriksaan atau perkhidmatan perundingan berkaitan kesihatan mental daripada pakar psikiatri, psikologi klinikal dan kaunselor berdaftar.
- Pelepasan khas cukai pendapatan individu sehingga RM2,500 untuk pembelian telefon bimbit, komputer dan tablet dilanjutkan sehingga 31 Disember 2022.
- Memperluas pelepasan cukai individu sehingga RM4,000 untuk pencarum KWSP untuk turut meliputi caruman sukarela seperti mereka yang bekerja sendiri atau bekerja dalam ekonomi gig.
- Melanjutkan pelepasan cukai pendapatan individu sehingga RM3,000 untuk yuran yang dibayar kepada taman asuhan kanak-kanak atau tadika berdaftar sehingga tahun taksiran 2023.
- Menghapuskan Cukai Keuntungan Harta Tanah daripada pelupusan harta tanah pada tahun keenam dan seterusnya oleh warganegara Malaysia, pemastautin tetap dan selain daripada syarikat.

Perniagaan yang berdaya tahan

- Melanjutkan potongan cukai sehingga RM300,000 ke atas kos pengubahsuaian dan baik pulih premis perniagaan sehingga 31 Disember 2022 bagi mematuhi keperluan SOP yang berkaitan seperti pengudaraan dan tempat duduk pelanggan.
- Di bawah Safe@Work, potongan cukai tambahan sehingga RM50,000 ke atas perbelanjaan sewa premis penginapan pekerja dilanjutkan sehingga 31 Disember 2022.
- Penangguhan bayaran ansuran cukai pendapatan bagi perusahaan mikro kecil dan sederhana selama enam bulan sehingga 30 Jun 2022.

- Pengecualian cukai pendapatan untuk penganjur aktiviti kesenian dan kebudayaan serta pertandingan sukan dan rekreasi antarabangsa sehingga tahun taksiran 2025.
- Pengecualian duti hiburan untuk aktiviti hiburan di semua Wilayah Persekutuan dilanjutkan sehingga 31 Disember 2022.

Ekonomi yang makmur dan mampan

- Memperkenalkan Program Khas Pengakuan Sukarela oleh Jabatan Kastam Diraja Malaysia secara berfasa dengan insentif remisi penalti sebanyak 100% untuk fasa pertama dan remisi penalti sebanyak 50% untuk fasa kedua. Remisi cukai juga akan dipertimbangkan untuk kes tertentu. Hasil tambahan RM1 bilion disasarkan daripada program ini.
- Mengenakan Cukai Makmur pada 33% ke atas syarikat dengan pendapatan bercukai melebihi RM100 juta bagi tahun taksiran 2022.
- Cukai jualan yang dikenakan ke atas barangan tidak melebihi RM500 dari luar negara yang dijual dalam talian oleh penjual dan dihantar kepada pengguna di Malaysia melalui perkhidmatan kurier udara.

Pengurusan ketirisan hasil

27. Di bawah Bajet 2022, beberapa inisiatif diperkenalkan untuk membendung ketirisan hasil atau *harmful practices* yang berkaitan dengan pengelakan cukai rentas sempadan dan *double non-taxation*. Inisiatif ini termasuk menarik balik pengecualian cukai ke atas pendapatan sumber asing yang diterima di Malaysia oleh pemastautin cukai Malaysia, memperkenalkan Sijil Pematuhan Cukai sebagai pra-syarat untuk petender untuk mengambil bahagian dalam perolehan Kerajaan dan pelaksanaan Nombor Pengenalan Cukai (TIN).

28. Melalui pindaan Rang Undang-undang Kewangan 2021, Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (LHDNM) berupaya menangani isu ketirisan hasil melalui pengenalan peruntukan baharu yang memberi kuasa kepada LHDNM untuk meminta maklumat akaun bank pembayar cukai daripada institusi kewangan bagi tujuan membuat permohonan kepada mahkamah untuk mendapatkan perintah *garnishee*. Pembayaran tertentu yang dibuat kepada ejen pemastautin, peniaga atau pengedar yang merupakan individu dan yang telah menerima komisen lebih daripada RM100,000 akan dikenakan cukai pegangan 2%.

Komitmen Malaysia di peringkat antarabangsa

29. Malaysia sentiasa responsif terhadap perubahan semasa dalam piawaian percukaian yang dipersetujui di peringkat antarabangsa bagi memastikan persekitaran kompetitif dalam menarik pelaburan langsung asing dan tempatan serta mengekang aktiviti pengelakan cukai rentas sempadan. Malaysia telah menyertai *Inclusive Framework* (IF) OECD sebagai ahli bersekutu *Based Erosion and Profit Shifting* (BEPS) pada tahun 2017 dan telah melaksanakan empat standard minimum Pelan Tindakan BEPS di samping mengkaji semula Pelan Tindakan yang lain di bawah undang-undang domestik Malaysia.

30. Memandangkan Perusahaan Multinasional (MNE) sangat bergantung pada digitalisasi, dasar cukai sedia ada perlu dikaji semula untuk mengelakkan ketirisan hasil dan peralihan keuntungan. Dalam menangani cabaran ini, Kerajaan dan OECD sedang membincangkan pelaksanaan percukaian ke atas ekonomi digital di bawah Pelan Tindakan BEPS 1 dan bersetuju untuk melaksanakan pendekatan Dua *Pillar* iaitu *Pillar 1* dan *Pillar 2* yang dijangka akan dilaksanakan mulai tahun 2023.

31. *Pillar 1* mengetengahkan peruntukan hak mencukai dan usaha untuk mengkaji semula peruntukan pembahagian keuntungan dan *nexus rules* kepada negara yang sebelum ini tertakluk kepada penggunaan konsep establismen tetap, sama ada melalui perundangan domestik atau yang telah dipersetujui melalui perjanjian dua hala percukaian tertakluk kepada syarat yang ditetapkan.

32. *Pillar 2* memperkenalkan kadar cukai efektif minimum di peringkat global pada kadar 15% bagi memastikan kesamarataan antara negara dalam menarik pelaburan langsung asing. Ia bertujuan untuk mengekang perancangan cukai yang memudaratkan yang boleh menyebabkan ketirisan asas cukai dan pemindahan keuntungan ke negara yang mempunyai kadar cukai yang rendah tertakluk kepada syarat yang ditetapkan.

33. Pada masa ini, Malaysia sedang menilai perincian teknikal bagi kedua-dua *pillar* termasuk kemungkinan untuk memperkenalkan *Qualified Domestic Minimum Top-Up Tax* (QDMTT) bagi *Pillar 2*.

Strategi meningkatkan hasil percukaian

e-Invois

34. Bagi menyokong pertumbuhan ekonomi digital, Kerajaan bercadang untuk melaksanakan e-Invois secara berperingkat dalam usaha meningkatkan kecekapan pengurusan pentadbiran cukai negara. Ia selaras dengan RMKe-12 dengan tumpuan diberikan kepada pengukuhan infrastruktur perkhidmatan digital seterusnya mendigitalkan pentadbiran cukai.

35. Pelaksanaan e-Invois dapat meningkatkan kualiti perkhidmatan dan mengurangkan kos pematuhan kepada pembayar cukai serta meningkatkan kecekapan operasi perniagaan. Berdasarkan kajian yang dibuat ke atas pentadbir cukai antarabangsa, e-Invois akan memperkemas dan mengukuhkan sistem cukai negara, meningkatkan ketelusan cukai dan menyediakan penilaian risiko pematuhan yang lebih tepat. Inisiatif e-Invois ini juga akan menyokong penggunaan TIN yang akan dilaksanakan di Malaysia mulai tahun 2022 sebagai langkah untuk mengembangkan jaringan pembayar cukai pendapatan.

Strategi pemantapan sistem percukaian

36. Kerajaan akan terus melaksanakan inisiatif pembaharuan cukai yang telah dicadangkan oleh Jawatankuasa Pembaharuan Cukai yang memfokuskan kepada langkah peluasan asas cukai seperti melaksanakan kajian semula insentif, pelepasan dan potongan cukai. Pentadbiran cukai boleh dipertingkatkan lagi melalui pendaftaran komprehensif pembayar cukai; latihan kakitangan agensi kutipan cukai yang lebih baik; peningkatan pendaftaran perdagangan rentas sempadan; pengukuhan audit dan penyiasatan; dan meningkatkan ketetapan undang-undang untuk pembayar cukai.

Strategi Perbelanjaan

Prestasi perbelanjaan 2022

37. Pada akhir April 2022, prestasi keseluruhan perbelanjaan termasuk Kumpulan Wang COVID-19 mencatat 35.2% daripada peruntukan bajet keseluruhan seperti dalam Jadual 1.

Jadual 1:
Prestasi Perbelanjaan Mengurus, Perbelanjaan Pembangunan dan Kumpulan Wang COVID-19, Januari – April 2022


Perkara	Peruntukan Asal (RM bilion)	Perbelanjaan RM bilion)	Peratus Perbelanjaan (%)
Perbelanjaan Mengurus	233.5	87.5	37.5
Perbelanjaan Pembangunan	75.6	23.2	30.7
Kumpulan Wang COVID-19	23.0	6.2	27.0
Jumlah	332.1	116.9	35.2

Sumber: Laporan Prestasi Belanja JANM (April 2022)

38. Selaras dengan fokus utama untuk menjamin kesejahteraan rakyat, prestasi perbelanjaan mengurus merekodkan RM87.5 bilion dengan tumpuan kepada sektor sosial seperti yang ditunjukkan di Jadual 1. Perbelanjaan ini meliputi subsektor pendidikan berikutan pelaksanaan semula pembelajaran secara bersemuka di semua institusi pendidikan. Selain itu, perbelanjaan subsidi dan bantuan sosial terutamanya subsidi bahan api masih kekal signifikan.

39. Kerajaan komited dalam merancakkan semula ekonomi termasuk usaha untuk meningkatkan kesejahteraan dan inklusiviti rakyat. Sehubungan ini, sebanyak RM23.2 bilion atau 30.7% daripada perbelanjaan pembangunan bagi tempoh empat bulan pertama 2022 telah disalurkan kepada sektor ekonomi.

**Carta 1:
Perbelanjaan Mengurus (OE), Pembangunan (DE) dan Kumpulan Wang
COVID- 19 mengikut Sektor, Januari-April 2022 (RM bilion)**



Sumber: Laporan Prestasi Belanja JANM (April 2022)

40. Sementara itu, Kumpulan Wang COVID-19 mencatat prestasi perbelanjaan sebanyak RM6.2 bilion. Perbelanjaan terbesar adalah sektor sosial yang melibatkan pembayaran Bantuan Keluarga Malaysia dengan penerima manfaat hampir 9.6 juta.

41. Seiring dengan semangat Keluarga Malaysia, Kerajaan juga telah mengumumkan peruntukan tambahan bagi menangani peningkatan kos sara hidup, harga komoditi global dan bencana banjir yang melanda negara baru-baru ini. Perbelanjaan tambahan terutamanya untuk subsidi bahan api, COSS, subsidi ayam dan telur serta bantuan banjir. Justeru, jumlah perbelanjaan tahun 2022 dijangka meningkat dengan ketara berikutan keperluan tambahan perbelanjaan subsidi yang tidak dijangka. Perbelanjaan subsidi dianggarkan meningkat sebanyak RM30 bilion dengan andaian harga komoditi dunia kekal sepertimana harga semasa dan Kerajaan masih mengekalkan harga subsidi semasa.

Strategi perbelanjaan awam – pengoptimuman dan pengawalan perbelanjaan

42. Dalam merangka strategi perbelanjaan awam, keutamaan akan diberikan untuk menyokong pembaharuan fiskal bagi membina semula ruang fiskal Kerajaan pascapandemik. Dengan mengambil kira jangkaan kenaikan yang berterusan dalam harga komoditi dunia dan harga makanan, tumpuan utama kini diberikan untuk melaksanakan subsidi yang lebih bersasar terutamanya kepada golongan yang mudah terjejas. Di samping itu, Kerajaan akan meneruskan usaha untuk mengoptimumkan perbelanjaan serta mengurangkan pembaziran dan ketirisan untuk memastikan nilai faedah terbaik dalam perbelanjaan.

Tinjauan ekonomi makro 2023

43. IMF mengunjurkan ekonomi global berkembang pada kadar 3.6% manakala perdagangan dunia pula sebanyak 4.1% pada tahun 2023. Purata harga minyak mentah dunia diunjur kekal tinggi pada purata USD93 setong dan kadar inflasi global pada 4.8%.

44. Berikutan peralihan kepada fasa endemik dan pembukaan semula sempadan antarabangsa pada tahun 2022, pertumbuhan ekonomi Malaysia dijangka terus berkembang pada tahun 2023 terutamanya didorong oleh permintaan domestik. Berdasarkan *Article IV Consultation Staff Report* oleh IMF yang diterbitkan pada bulan April 2022, ekonomi Malaysia diunjur berkembang sebanyak 5.7% pada tahun 2023 manakala kadar inflasi pula dijangka menyederhana 2%. Pertumbuhan ekonomi akan disokong oleh peningkatan permintaan domestik dengan penggunaan swasta yang dijangka meningkat sebanyak 5.7% dan pelaburan swasta sebanyak 8.2%.

45. Dari sudut penawaran, sektor perkhidmatan dan pembuatan akan terus menerajui ekonomi terutamanya oleh industri strategik dan berimpak tinggi. Penerapan automasi dan digitalisasi dalam sektor tradisional akan memacu kemajuan yang lebih besar dalam mesin dan peralatan, peranti perubatan, automotif dan ICT serta perluasan ekonomi digital terutamanya melalui galakan penjagaan kesihatan digital dan kenderaan penghantaran autonomi. Perkembangan ini akan terus mendorong pertumbuhan sektor perkhidmatan dan pembuatan. Sementara itu, penyambungan projek infrastruktur pengganda tinggi seperti Lebuh Raya Pan Borneo, Laluan Rel Pantai Timur (ECRL) dan Transit Aliran Massa (MRT) akan terus meningkatkan pelaburan selaras dengan pelonggaran SOP khususnya dalam sektor pembinaan serta pembukaan semula sempadan antarabangsa.

46. Pelaburan swasta akan terus disokong oleh langkah Kerajaan bagi menggalakkan pelaburan berkualiti yang menekankan pembangunan mampan. Keutamaan akan diberikan kepada bidang sedia ada dan pertumbuhan baharu yang bernilai tambah tinggi dan diterajui teknologi termasuk pembuatan semikonduktor berteknologi tinggi yang seterusnya akan mewujudkan lebih banyak peluang

pekerjaan dan meningkatkan prospek pendapatan. Perkembangan ini selaras dengan permintaan luar yang kukuh merentasi semua sektor terutamanya dalam industri semikonduktor berikutan pemecutan digitalisasi dan peningkatan teknologi global seterusnya melonjakkan eksport Malaysia terutamanya produk elektrik dan elektronik (E&E).

47. Perbelanjaan penggunaan swasta dijangka terus berkembang sejajar dengan peningkatan guna tenaga dan pendapatan boleh guna isi rumah. Dengan pertumbuhan yang diterajui perbelanjaan swasta, Kerajaan akan terus menyediakan persekitaran yang kondusif bagi menggalakkan pertumbuhan ekonomi yang lebih mampan dan inklusif. Perbelanjaan modal sektor awam juga akan terus menjadi pelengkap kepada sektor swasta melalui penyambungan semula projek dengan kesan pengganda yang tinggi dan pelaksanaan projek pembangunan di bawah RMKe-12. Selain pelaksanaan projek pengangkutan dan infrastruktur awam, Kerajaan akan terus menambah baik infrastruktur digital negara menerusi pelaksanaan pelan Jalinan Digital Negara (JENDELA).

48. Di samping itu, Kerajaan akan melaksanakan langkah untuk meningkatkan potensi pertumbuhan jangka masa panjang dan mewujudkan peluang pekerjaan yang berkualiti dan bergaji tinggi kepada rakyat. Langkah tersebut termasuk menjana pertumbuhan yang lebih inklusif dengan membangunkan bakat masa hadapan melalui peningkatan kemahiran dan latihan semula serta mempertingkatkan rangka kerja perlindungan sosial yang lebih bersasar. Mempercepatkan digitalisasi dan menjadikan teknologi sebagai pemangkin utama strategi pertumbuhan berasaskan inovasi serta meneruskan agenda Alam Sekitar, Sosial dan Tadbir Urus (ESG) juga akan terus menjadi keutamaan.

49. Namun begitu, risiko prospek pertumbuhan jangka masa pendek dijangka terus kekal pada tahun 2023 terutamanya disebabkan oleh ketidaktentuan global yang berpanjangan dalam rantai bekalan, harga komoditi dan makanan serta pasaran kewangan global. Kerajaan akan terus memantau pelbagai risiko ekonomi dan memastikan keberkesanan keputusan dasar dalam mengurus kejutan luaran yang boleh memberi kesan ke atas kesejahteraan rakyat dan perniagaan.

Tema Bajet 2023 – Memperkukuh Pemulihan, Memudah Cara Pembaharuan ke arah Kemampanan Daya Tahan Ekonomi dan Kesejahteraan Keluarga Malaysia

50. Belanjawan 2023 akan digubal berdasarkan tiga (3) bidang keutamaan iaitu:
- a. Memperkukuh momentum pemulihan ekonomi dengan memastikan pertumbuhan bukan sahaja dari aspek KDNK tetapi turut merangkumi aspek pekerjaan dan pendapatan untuk rakyat Malaysia dan perniagaan.
 - b. Memperkukuh daya tahan ekonomi untuk mendepani kejutan pada masa hadapan menerusi pembaharuan ke arah mewujudkan perlindungan sosial yang lebih baik terutamanya dalam kalangan masyarakat yang mudah terjejas, sistem kesihatan awam yang lebih kukuh, kedudukan fiskal yang lebih mampan untuk menyediakan penampan terhadap kejutan masa hadapan serta pemberian subsidi dan bantuan secara lebih bersasar.
 - c. Melaksanakan pembaharuan yang komprehensif dalam aspek ekonomi dan sosial bagi perniagaan, sektor keutamaan dan negara untuk muncul lebih berdaya saing di peringkat global di samping memperkukuh agenda pembangunan mampan.
51. Secara ringkasnya, Belanjawan 2023 akan terus menyokong pertumbuhan ekonomi dan memberi tumpuan kepada pelaksanaan pembaharuan untuk meningkatkan kesejahteraan rakyat, pendapatan dan perlindungan sosial serta menambah baik daya saing perniagaan dan rantai nilai di samping memperkukuh kedudukan fiskal Kerajaan dan daya tahan negara dalam mendepani kejutan pada masa hadapan.

Meningkatkan pendapatan

52. Kedudukan pasaran buruh antara lain akan dipantau melalui pertumbuhan penengah gaji dan upah bulanan. Pada tahun 2020, penengah gaji dan upah bulanan di peringkat nasional merekodkan RM2,062 iaitu berkurang sebanyak 15.6% berbanding tahun sebelumnya disebabkan kesan wabak COVID-19 (2019: RM2,442). Sementara itu, penengah pendapatan isi rumah bulanan berkurang kepada RM5,209 pada tahun 2020 berbanding RM5,873 pada tahun 2019 dengan sebahagian besar daripada pendapatan isi rumah bulanan dijana daripada pekerjaan bergaji.

53. Melangkah ke hadapan pada tahun 2023, aktiviti ekonomi dijangka kembali normal sepenuhnya dengan sentimen pengguna yang lebih baik dan peningkatan dalam permintaan buruh. Justeru, lebih banyak peluang pekerjaan dijangka dapat diwujudkan dalam pasaran dengan prospek pendapatan yang lebih baik serta disokong kadar inflasi yang rendah. Bagi mencapai outcome tersebut, pelbagai inisiatif dan strategi untuk meningkatkan pendapatan rakyat akan diteruskan. Inisiatif utama antara lain akan memberi tumpuan kepada penerusan program peningkatan kemahiran dan latihan semula, peningkatan produktiviti melalui pendigitalan dalam aktiviti ekonomi dan memastikan penyediaan gaji yang wajar kepada rakyat termasuk melalui semakan semula gaji minimum. Selain itu, strategi untuk mempercepat penggunaan automasi dan aktiviti pengeluaran bernilai tambah tinggi juga akan diperkukuh untuk menggalakkan pewujudan lebih banyak pekerjaan bergaji tinggi.

54. Bagi meningkatkan lagi kesejahteraan rakyat, Kerajaan akan terus menarik lebih banyak pelaburan. Justeru, persekitaran perniagaan dan pelaburan akan terus ditambah baik bagi memastikan aktiviti pelaburan dapat menghasilkan kesan luaran yang positif seterusnya meningkatkan pendapatan boleh guna rakyat. Bagi memastikan pembangunan yang lebih seimbang di seluruh negara, Kerajaan mensasarkan untuk menarik pelaburan berkualiti tinggi di semua koridor ekonomi. Oleh itu, penekanan akan diberikan untuk menambah baik ekosistem perniagaan, mewujudkan lebih banyak peluang pekerjaan dan menambah baik infrastruktur di wilayah atau negeri yang kurang membangun iaitu Sabah, Sarawak, Kelantan, Terengganu, Kedah dan Perlis.

Kesejahteraan holistik

55. Agenda Kerajaan dalam pembangunan inklusif bertujuan untuk meningkatkan kesejahteraan rakyat secara holistik serta menambah baik persekitaran hidup, bekerja dan bermain. Hasrat ini memerlukan pembangunan komuniti yang berdaya huni melalui penyediaan perumahan, pendidikan, penjagaan kesihatan, keselamatan dan pengangkutan yang berkualiti kepada rakyat. Kementerian Pendidikan dan Kementerian Kesihatan akan terus menerima peruntukan perbelanjaan mengurus terbesar yang mencerminkan kepentingan akses universal kepada pendidikan dan penjagaan kesihatan yang berkualiti dengan penekanan yang lebih tinggi ke atas pembangunan bakat yang bersedia untuk mendepani cabaran masa hadapan serta tumpuan kepada penjagaan kesihatan terutamanya pencegahan penyakit tidak berjangkit (NCD). Pendekatan bajet yang responsif gender juga akan dilaksanakan dengan mengambil kira perbezaan outcome seterusnya memerlukan pendekatan yang khusus dalam bidang seperti kebajikan, kesihatan, keselamatan, pekerjaan dan program keusahawanan.

Perlindungan sosial

56. Pandemik COVID-19 telah meningkatkan keperluan untuk menyediakan langkah yang lebih bersepadu, bersasar dan berkesan dalam memastikan kebajikan rakyat terpelihara. Di samping usaha berterusan Kerajaan untuk mengurangkan beban kewangan rakyat, pemberian bantuan tunai langsung kepada golongan mudah terjejas akan dipertingkat dan lebih bersasar terutamanya kepada warga emas, pelajar sekolah, orang kelainan upaya (OKU), orang asal dan ibu tunggal. Di samping itu, usaha yang berterusan untuk mengawal kenaikan kos sara hidup dan mengurangkan impak kepada rakyat.

57. Pandemik COVID-19 juga menunjukkan bahawa golongan yang berpendapatan rendah dan pekerja sektor tidak formal lebih terdedah kepada risiko kejutan ekonomi. Justeru, program jaringan keselamatan sosial dan sistem perlindungan sosial dirangka untuk melindungi rakyat daripada terdedah kepada pelbagai ketidakpastian. Sistem perlindungan sosial yang baik juga menggalakkan insurans sosial diberikan kepada semua yang berdaftar dengan agensi perkhidmatan pekerjaan awam atau skim simpanan persaraan dapat mengurangkan pendedahan rakyat kepada risiko dan meningkatkan keupayaan rakyat untuk melindungi diri daripada kemalangan kerja

atau kehilangan pendapatan. Justeru, Bajet 2023 akan memberi tumpuan kepada peluasan liputan perlindungan tersebut terutamanya dalam kalangan pekerja yang bekerja sendiri dan pekerja sektor tidak formal.

58. Bagi mengoptimumkan potensi tenaga kerja Malaysia, Bajet 2023 juga akan memberi tumpuan khusus untuk menyediakan lebih banyak pekerjaan dan peluang bekerja semula terutamanya kepada graduan menganggur, wanita yang meninggalkan pasaran buruh, OKU dan penganggur jangka panjang. Intervensi ini akan merangkumi program latihan semula selaras dengan permintaan daripada pelbagai sektor dan penyediaan pekerjaan mengikut lokaliti. Usaha bagi meningkatkan kadar penyertaan tenaga buruh wanita akan memerlukan intervensi tertentu termasuk memberi kemudahan akses kepada penjagaan kanak-kanak yang berkualiti dan mampu bayar.

Bantuan secara bersasar

59. Dianggarkan lebih separuh daripada subsidi yang disediakan oleh Kerajaan pada masa ini telah memberi manfaat kepada kumpulan isi rumah berpendapatan 20% teratas (T20). Oleh itu, Kerajaan akan bekerjasama dengan pelbagai pihak berkepentingan untuk mengenal pasti kaedah bagi menyediakan bantuan secara lebih bersasar dalam Bajet 2023. Program bantuan tunai dan subsidi bahan api khususnya akan ditambah baik untuk memastikan pelaksanaan mekanisme pengagihan yang lebih berkesan. Mekanisme ini dijangka dapat memberi bantuan kepada kumpulan yang lebih memerlukan bantuan daripada Kerajaan. Secara keseluruhannya, bantuan yang lebih bersasar akan dilaksanakan bagi memastikan Kerajaan dapat menyediakan jaringan keselamatan sosial yang optimum kepada golongan mudah terjejas tanpa memberi kesan ke atas kedudukan fiskal.

60. Kerajaan komited untuk mengurangkan kesan peningkatan kos sara hidup rakyat terutamanya golongan yang mudah terjejas berikutan tekanan inflasi global yang dijangka berterusan. Kerajaan akan terus mengambil langkah yang sewajarnya bagi mengurangkan kenaikan mendadak harga barangan keperluan dan memastikan sumber Kerajaan yang terhad dibelanjakan ke atas golongan yang benar-benar memerlukan melalui subsidi yang bersasar. Bajet 2023 juga akan memberi tumpuan bagi memastikan sekuriti makanan asas pada harga yang berpatutan.

Daya saing perusahaan kecil dan sederhana

61. Selaras dengan sumbangan perusahaan kecil dan sederhana (PKS) yang signifikan dalam ekonomi, Kerajaan terus memberi penekanan kepada pembangunan PKS supaya lebih berdaya saing dan berdaya tahan. Krisis COVID-19 telah memberi kesan secara langsung kepada semua segmen perniagaan dan mendedahkan kelemahan utama PKS terutamanya dari segi kebergantungan yang tinggi terhadap sumber pembiayaan tidak formal, penggunaan teknologi dan pelaburan dalam penyelidikan dan pembangunan (R&D) yang rendah serta penglibatan yang kurang efektif dalam rantai nilai global.

62. Oleh yang demikian, peningkatan daya tahan PKS adalah penting. Bajet 2023 akan memberi tumpuan kepada strategi untuk memulihkan keupayaan perniagaan dan meningkatkan daya saing industri. Usaha bersepadu akan dilaksanakan untuk meningkatkan pengetahuan dan keupayaan digital serta kecekapan pengurusan PKS untuk memperkukuh pertumbuhan dan daya tahan sektor swasta. Dalam hubungan ini, Kerajaan akan memberi tumpuan untuk memperkukuh penyelarasan program merentasi kementerian bagi memastikan pelaksanaan pelbagai inisiatif dengan pantas. Langkah khusus untuk memupuk kerjasama antara PKS dan komuniti inovator (MNC dan akademik) akan turut diberi penekanan untuk menggalakkan dan menyokong proses inovasi oleh PKS. Di samping itu, inisiatif juga akan diambil untuk menggalakkan PKS menerima pakai amalan ESG dan meningkatkan pelaburan hijau. Inisiatif ini perlu diterapkan dalam strategi perniagaan bagi mewujudkan peluang perniagaan pada masa hadapan. Kesemua usaha ini akan mempercepat pewujudan industri baru mula tempatan yang mempunyai potensi pertumbuhan tinggi dan firma berinovasi yang akan memacu transformasi ekonomi Malaysia.

Produktiviti

63. Selaras dengan kepentingan digitalisasi dan automasi yang meningkat untuk mengukuhkan daya saing, usaha akan dipergiat bagi membolehkan semua sektor menerima manfaat daripada strategi penggalakan transformasi digital. Peningkatan produktiviti peringkat firma akan terus diberi tumpuan melalui intervensi bimbingan dalam melaksanakan aktiviti inovatif dan produktif dalam memacu adaptasi automasi

terutamanya dalam industri yang berintensifkan buruh. Kerjasama antara kementerian dan agensi berkaitan akan terus dipergiat dalam mewujudkan ekosistem digital yang bersepadu bagi melonjakkan produktiviti negara.

Pemulihan industri pelancongan

64. Kerajaan telah melancarkan Pelan Pemulihan Pelancongan (TRP) 2022 bagi meningkatkan mobiliti rakyat Malaysia untuk melancong dan berbelanja melalui penawaran diskaun, baucar dan rebat yang melibatkan dua kluster iaitu Kluster Pengangkutan Darat dan Kluster Persatuan Pelancongan. Inisiatif ini akan diperluaskan secara berperingkat pada tahun 2023 kepada Kluster Pengangkutan Udara dan Kluster Penginapan. TRP juga bertujuan untuk menggiatkan semula industri pelancongan serta meningkatkan keyakinan pelancong di destinasi pelancongan. Langkah pemulihan disasarkan untuk memenuhi keperluan pelancong termasuk peningkatan permintaan terhadap aspek keselamatan dan kebersihan yang lebih baik. Ini termasuk menyediakan produk dan perkhidmatan yang lebih berkualiti, meningkatkan kemampuan produk pelancongan, mengukuhkan kedudukan dan promosi jenama, pembaharuan tadbir urus dan mempergiat pelancongan domestik.

Bidang pertumbuhan baharu

65. Malaysia berhasrat untuk mencapai aspirasi sebuah negara berpendapatan tinggi menjelang tahun 2025. Namun begitu, usaha ke arah mencapai matlamat ini berhadapan dengan pelbagai cabaran. Gangguan rantaian bekalan global, peningkatan tekanan inflasi, landskap ekonomi yang berubah dan pemulihan ekonomi yang tidak sekata antara negara boleh menjadi risiko kepada momentum pertumbuhan ekonomi dan pembangunan Malaysia. Setelah mengambil kira cabaran tersebut serta kelebihan berbanding negara, keperluan semasa dan trend masa depan, enam bidang pertumbuhan baharu yang berpotensi telah dikenal pasti untuk mempercepat transformasi Malaysia ke arah negara berpendapatan tinggi. Bidang pertumbuhan baharu ini yang turut terkandung dalam Industry4WRD, Wawasan Kemakmuran Bersama 2030, RMKe-12 dan Aspirasi Pelaburan Nasional (NIA) adalah E&E, aeroangkasa, industri biojisim, bahan kimia dan produk berasaskan bahan kimia serta farmaseutikal yang lebih maju dan ekonomi digital.

66. Industri E&E terus menjadi pemacu utama pembangunan industri Malaysia dan menyumbang dengan ketara kepada pertumbuhan KDNK, pendapatan eksport, pelaburan dan pekerjaan. Industri E&E merupakan penyumbang eksport terbesar Malaysia selama beberapa dekad. Pada 2021, industri E&E menyumbang RM455.7 bilion daripada nilai eksport atau 42.7% daripada jumlah eksport barangan pembuatan. Industri ini yang menghasilkan komponen seperti semikonduktor untuk peranti mudah alih, automotif dan alat ganti komputer telah menyumbang 7.6% daripada KDNK Malaysia pada 2021. Keadaan ini menunjukkan bahawa Malaysia mempunyai industri E&E yang kukuh dan boleh diperkembangkan lagi melalui pembuatan produk baharu dan baru muncul seperti *embedded software*, *Micro Electro-Mechanical System (MEMS) & Sensor*, semikonduktor kompaun, teknologi pengimejan dan bateri & pengurusan tenaga.

67. Industri E&E boleh dianggap sebagai satu kejayaan kepada Malaysia yang menyaksikan Pulau Pinang digelar "Lembah Silikon Timur" semasa industri ini mula menyumbang dengan ketara kepada ekonomi domestik. Melangkah ke hadapan, Kerajaan akan memberi tumpuan dalam menggalakkan penghasilan produk E&E yang lebih maju dan meningkatkan kapasiti industri untuk menghasilkan nilai ditambah. Justeru, Kerajaan akan terus membina ekosistem yang kukuh demi mewujudkan lebih banyak pekerjaan berkepakaran tinggi dalam industri E&E tempatan termasuk menambah baik sistem pendidikan khususnya bagi menangani isu ketakpadanan bakat.

68. Industri aeroangkasa juga dikenal pasti sebagai bidang tumpuan utama. Pelan Tindakan Industri Aeroangkasa Malaysia 2030 bermatlamat untuk menjadikan Malaysia sebagai hab aeroangkasa di rantau Asia Tenggara seterusnya menjadi sebahagian daripada pasaran aeroangkasa global menjelang tahun 2030 dengan jangkaan pendapatan tahunan sebanyak RM55.2 bilion dan lebih daripada 32,000 peluang pekerjaan berpendapatan tinggi diwujudkan. Pelan Tindakan tersebut merangkumi lima bidang strategik iaitu penyelenggaraan, pembaikan dan baik pulih (MRO), pembuatan aero, integrasi sistem, khidmat kejuruteraan dan reka bentuk serta pendidikan dan latihan.

69. Sebagai pengeluar minyak sawit kedua terbesar di dunia dengan jumlah kawasan bertanam seluas 5.7 juta hektar, industri biojisim juga telah dikenal pasti sebagai satu lagi pertumbuhan baharu penting untuk negara. Tumpuan yang lebih

besar akan diberikan untuk membangunkan produk dan perkhidmatan yang mempunyai nilai ditambah tinggi di samping meningkatkan penggunaan produk biojisim yang mempunyai nilai ditambah tinggi. Perkara ini memerlukan penggubalan dasar biojisim yang komprehensif serta membangunkan teknologi tempatan melalui R&D&C&I. Ini membolehkan lebih banyak pekerjaan baharu diwujudkan dan alam sekitar dapat dilindungi berikutan pelepasan gas rumah hijau yang lebih rendah.

70. Industri kimia Malaysia memainkan peranan yang penting dalam sektor pembuatan serta pertumbuhan ekonomi negara dengan sumbangan sebanyak RM35.5 bilion iaitu 10.5% kepada sektor pembuatan dan 2.6% kepada KDNK pada tahun 2021. Industri ini juga menyumbang 5.7% daripada jumlah nilai eksport pada tahun yang sama iaitu kira-kira RM70.7 bilion. Melangkah ke hadapan, industri ini berpotensi untuk dikembangkan lagi melalui pengeluaran produk baharu dan baru muncul seperti produk kimia khusus, kimia hijau, plastik khusus dan lain-lain lagi.

71. Industri farmaseutikal di Malaysia mempunyai potensi yang besar dan boleh dibangunkan lagi melalui penyelidikan dan pembangunan serta inovasi tempatan untuk menghasilkan ubatan yang lebih sofistikated. Pandemik COVID-19 telah menekankan keperluan membangunkan kapasiti industri farmaseutikal domestik dalam menghadapi sebarang pandemik atau penyakit baharu pada masa hadapan serta meminimumkan kebergantungan kepada produk farmaseutikal buatan asing.

72. Kemajuan teknologi dan ekonomi global yang sentiasa berubah menuntut negara agar seiring dan mengguna pakai pendekatan proaktif ke arah ekonomi digital. Penyelarasan dasar yang berterusan antara RMKe-12, Rangka Tindakan Ekonomi Digital Malaysia (MyDIGITAL), Dasar 4IR Negara dan inisiatif Kerajaan yang lain akan memacu penggunaan digitalisasi, teknologi dan amalan keselamatan siber yang cekap. Inisiatif untuk meningkatkan digitalisasi dan penggunaan teknologi canggih akan diberi penekanan. Inisiatif ini termasuk pelaksanaan 5G yang diterajui oleh Digital Nasional Berhad (DNB) dijangka menyediakan persekitaran yang dapat menyokong pertumbuhan ekonomi digital.

Pembangunan inklusif

73. Bajet 2023 akan meningkatkan peranan Bumiputera dalam ekonomi negara sebagai sebahagian daripada usaha menambah baik pengagihan pendapatan dalam kalangan masyarakat di Malaysia selaras dengan Tindakan Pembangunan Bumiputera 2030. Selain itu, fokus akan diberikan kepada kumpulan mudah terjejas dalam menjamin peluang yang adil dan saksama untuk mereka terlibat dalam pembangunan negara.

74. Dalam usaha menangani jurang perbezaan antara negeri dan wilayah di Malaysia, Kerajaan akan memastikan pembangunan yang lebih seimbang dicapai melalui peruntukan sumber pembangunan yang lebih baik serta ketersambungan digital yang lebih cekap. Bagi tujuan ini, peluasan teknologi digital akan menggabungkan dasar keterangkuman digital dengan kos yang lebih berpatutan. Inisiatif ini akan membantu masyarakat terutamanya golongan yang tinggal di kawasan luar bandar untuk menikmati aplikasi, produk dan platform digital.

Pertumbuhan hijau dan pertumbuhan yang mampan

75. Dunia kini sedang mengalami pelbagai isu alam sekitar termasuk kehilangan biodiversiti dan perubahan iklim. Malaysia tidak terkecuali daripada mengalami kesan negatif tersebut. Sebagai sebahagian daripada usaha global dalam menangani isu ini, Malaysia komited untuk mencapai komitmen kepada Konvensyen Rangka Kerja Perubahan Iklim Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNFCCC), sasaran di bawah Matlamat Pembangunan Mampan (SDG) dan berikrar menjadi Negara Pelepasan GHG Sifar Bersih seawal-awalnya pada tahun 2050. Pelaksanaan tiga teras RMKe-12 (ekonomi, sosial dan alam sekitar) akan memastikan tiada sesiapa ketinggalan dalam usaha tersebut melalui perlindungan yang meluas kepada semua lapisan masyarakat, pengurusan sumber asli yang berkesan dan pemeliharaan alam sekitar yang berterusan. Fokus akan diberikan kepada usaha melindungi dan memulihara sumber air bersih, menyediakan makanan dan tenaga yang mencukupi di samping meminimumkan kemerosotan kualiti alam sekitar serta membangunkan persekitaran bandar yang sihat dan pada masa yang sama memelihara habitat dan sumber alam semula jadi yang kritikal.

Ekonomi Islam

76. Berdasarkan laporan *State of the Global Islamic Economy 2022*, Malaysia kekal pada kedudukan pertama daripada 81 negara dalam Petunjuk Ekonomi Islam Global selama sembilan tahun berturut-turut. Sehubungan itu, terdapat keperluan mendesak untuk Malaysia mengekalkan pengiktirafan tersebut dan secara konsisten meningkatkan nilai ekonomi serta daya saing di sepanjang keseluruhan rangkaian bekalan ekonomi Islam. Oleh itu, Bajet 2023 akan memberi tumpuan untuk memperkasa persekitaran perniagaan terutamanya dalam membina bakat, skala dan kapasiti pelbagai produk dan perkhidmatan Islam seperti pelancongan, fesyen, kosmetik, farmaseutikal, media dan perkhidmatan rekreasi.

77. Sebagai peneraju dunia dalam kewangan Islam, Malaysia mempunyai pilihan pembiayaan alternatif yang mantap yang terdiri daripada perbankan Islam dan pasaran modal, modal sosial dan teknologi kewangan. Dari segi pembangunan modal sosial Islam, Kerajaan akan terus menggalakkan integrasi inovatif mekanisme pengagihan semula modal Islam dalam bentuk zakat, wakaf, dan sadaqah dengan pasaran dan teknologi yang menjadi pemboleh daya signifikan kepada kewangan sosial Islam. Kemunculan alternatif pembiayaan ini merupakan kaedah yang unik dan berkesan bagi menyediakan modal sosial kepada segmen masyarakat yang kurang mendapat perkhidmatan dan memberi impak signifikan kepada pembangunan sosioekonomi, mewujudkan kestabilan seterusnya memacu amalan dan outcome yang mampan. Selain itu, Kerajaan akan memanfaatkan teknologi dalam menyampaikan penyelesaian kewangan, produk, perkhidmatan dan pelaburan patuh syariah dalam membangunkan ekosistem kondusif teknologi kewangan Islam yang menghubungkan para usahawan, pelabur dan modal insan berbakat bersama pengawal selia untuk mempercepat keterangkuman kewangan di Malaysia. Inisiatif ini akan memperkukuh potensi Malaysia untuk menjadi hab teknologi kewangan Islam global.

Sekuriti makanan

78. Cabaran dalam memastikan kemampuan, ketersediaan dan ketercapaian makanan menjadi ketara disebabkan oleh kenaikan harga makanan susulan ketegangan geopolitik semasa dan inflasi global. Oleh itu, pengeluaran makanan domestik perlu ditingkatkan terutamanya padi, buah-buahan dan sayur-sayuran, ternakan dan perikanan untuk mencapai tahap sara diri serta melindungi negara

daripada ketidakpastian luaran. Dalam menangani cabaran ini, Kerajaan telah mewujudkan Dasar Agromakanan Negara 2.0, 2021 – 2030 (NAP 2.0) dan Pelan Tindakan Dasar Sekuriti Makanan Negara 2021 – 2025. Dasar tersebut bertujuan untuk mewujudkan industri agromakanan yang mampan, berdaya tahan dan dipacu teknologi yang mengutamakan sekuriti makanan serta menggalakkan pertumbuhan ekonomi dan kesejahteraan negara.

79. Justeru, industri agromakanan akan disokong oleh peningkatan produktiviti yang dicapai melalui pelaksanaan amalan terbaik, pemodenan dan pertanian pintar khususnya melalui penggunaan teknologi 4IR. Tambahan pula, Kerajaan akan terus menambah baik rantai bekalan berkaitan makanan dalam menggalakkan kestabilan harga.

Tadbir urus

80. Sebagai sebahagian daripada usaha berterusan untuk mengukuhkan tadbir urus sektor awam dan meningkatkan inisiatif pembaharuan institusi, Pelan Antirasuah Nasional (NACP) telah dilancarkan pada 2019 untuk memerangi rasuah dan menambah baik integriti. Pelan 5-tahun ini menggariskan 6 bidang keutamaan yang perlu diberi tumpuan iaitu tadbir urus politik, pentadbiran sektor awam, perolehan awam, perundangan dan kehakiman, penguatkuasaan undang-undang dan tadbir urus korporat. Inisiatif NACP sedang dilaksanakan dan pencapaian oleh agensi berkaitan dipantau secara konsisten bagi memastikan inisiatif itu selaras dengan NACP.

Penyampaian perkhidmatan awam

81. Kerajaan akan terus memberi keutamaan kepada transformasi penyampaian perkhidmatan awam agar lebih cekap dan berkesan bagi memenuhi keperluan rakyat. Penekanan akan diberi untuk membangunkan perkhidmatan awam yang berprestasi tinggi, meningkatkan kecekapan penyampaian perkhidmatan serta memperkukuh akauntabiliti dan ketelusan tadbir urus Kerajaan. Usaha untuk meningkatkan penerimgunaan teknologi digital dalam kalangan penjawat awam akan dipergiat bagi menambah baik kualiti penyampaian dan produktiviti perkhidmatan awam negara.

82. Dalam memastikan perkhidmatan awam terus kekal relevan, ekosistem dan mekanisme perkhidmatan awam akan diperkukuh melalui jalinan kerjasama dan penyelarasan yang lebih baik antara Kerajaan dan pihak berkepentingan untuk menjajarkan semula penyampaian perkhidmatan agar lebih mudah cara dan berpandukan data bagi memastikan proses merangka dasar berasaskan bukti yang mantap dapat diterapkan. Dalam usaha membentuk landskap baru perkhidmatan awam, saiz, struktur dan fungsi agensi Kerajaan akan dikaji semula bagi menangani isu pertindihan penyampaian perkhidmatan. Sehubungan itu, pelaburan modal insan sektor awam di Malaysia akan diberi penekanan bagi meningkatkan kepakaran dan pengkhususan kemahiran dalam kalangan penjawat awam yang akhirnya akan memberikan perkhidmatan lebih baik seterusnya menggalakkan penyampaian perkhidmatan awam yang cekap dan berkesan.

83. Pengalaman krisis COVID-19 dan banjir pada tahun 2021 menzahirkan pentingnya pendekatan menyeluruh dilaksanakan dengan memanfaatkan kemudahan penjagaan kesihatan sektor swasta untuk melengkapikan penjagaan kesihatan awam manakala kerjasama antara Kerajaan Persekutuan, kerajaan negeri, sektor korporat dan NGO telah membantu mempercepat penyampaian bantuan banjir. Melangkah ke hadapan, Bajet 2023 akan terus meneroka ruang untuk memperkukuh kerjasama awam swasta dalam penyampaian perkhidmatan awam termasuk meneroka mekanisme penyampaian perkhidmatan alternatif yang melibatkan NGO dan masyarakat sivil dalam menyokong penyampaian program sosial.

Pengurusan risiko bencana

84. Malaysia telah mengalami kejadian bencana alam yang lebih kerap sejak beberapa tahun kebelakangan ini terutamanya peristiwa banjir dan tanah runtuh baru-baru ini yang berlaku di beberapa kawasan dalam negara. Justeru, usaha telah diambil oleh pelbagai kementerian dan agensi yang berkaitan bagi menghadapi bencana seumpama ini. Langkah-langkah akan diambil untuk membangunkan sistem amaran awal bersepadu yang sesuai serta melaksanakan projek tebatan banjir di kawasan yang berisiko tinggi. Tumpuan juga akan diberikan untuk memperkemas langkah-langkah tindak balas awal dan penyelarasan oleh Kerajaan ketika Malaysia menghadapi bencana sebegini.

Memperkukuhkan daya tahan kesihatan awam

85. Pandemik COVID-19 telah membuktikan bahawa sistem kesihatan negara perlu dipertingkatkan bagi memastikan pelbagai perkhidmatan berkualiti dapat disampaikan kepada rakyat. Selain itu, kemampanan sistem kesihatan negara akan lebih terjamin dan krisis kesihatan yang mungkin timbul pada masa hadapan dapat ditangani dengan lebih efektif. Sehubungan itu, Kerajaan terus memberi penekanan terhadap kepentingan pelaburan dalam kesihatan demi kemakmuran rakyat dan pembangunan negara. Oleh yang demikian, Kerajaan akan memperkasa kesihatan primer sebagai barisan hadapan untuk perkhidmatan penjagaan kesihatan. Inisiatif yang berperanan dalam menyediakan perkhidmatan pengurusan kesihatan secara holistik, program kesihatan yang lebih mantap serta menggalakkan dan pencegahan penyakit melalui kesihatan komuniti akan diperkenalkan. Di samping itu, klinik daif akan dinaik taraf secara berperingkat. Kerajaan juga akan memberi fokus kepada penambahbaikan bangunan dan kemudahan kesihatan serta penggunaan teknologi baharu dan

precision medicine. Selain itu, Kerajaan akan memberi fokus kepada agenda sosial serta penjagaan kesihatan kepada generasi warga tua agar mereka dapat menempuhi usia emas dengan sejahtera dan sihat.

86. Kerajaan akan terus memperkukuh fungsi kesihatan awam terutamanya dalam pemantauan penyakit dan siap siaga menghadapi krisis pada masa hadapan bagi memastikan negara mampu mengatasi krisis tersebut tanpa menjejaskan kesejahteraan rakyat dan juga ekonomi. Dalam era Revolusi Perindustrian 4.0, kecekapan sistem kesihatan negara dapat dipertingkatkan melalui digitalisasi maklumat kesihatan secara teratur dan meluas. Perkongsian data serta integrasi perkhidmatan antara pelbagai penyedia perkhidmatan sektor awam mahupun swasta juga akan dilaksanakan dengan lebih lancar dan selamat. Oleh yang demikian, rakyat dapat menikmati kesinambungan perkhidmatan kesihatan dengan maklumat yang lengkap ketika mendapat perkhidmatan dari pelbagai kemudahan. Penggunaan data raya dan kecerdasan buatan serta analitik yang menyeluruh akan mengukuhkan perancangan dasar berasaskan bukti.

Penutup

87. Bajet 2023 akan dirangka untuk memperkukuh momentum pemulihan negara dari segi mengembalikan semula prestasi ekonomi dan gaya hidup rakyat ke tahap prapandemik berikutan pembukaan semula sebilangan besar sektor ekonomi pada akhir tahun 2021. Beberapa subsektor dijangka terus menunjukkan prestasi yang lebih baik termasuk gas asli, pembuatan makanan, petrokimia, E&E, bangunan kediaman, kewangan, insurans dan perkhidmatan kesihatan swasta. Di samping itu, fasa peralihan kepada endemik serta pelonggaran beberapa lagi sekatan berkaitan COVID-19 termasuk pembukaan semula sempadan negara kepada pengembara asing telah memberikan sokongan untuk merangsang lagi ekonomi negara.

88. Oleh itu, aktiviti ekonomi diunjur semakin pulih terutamanya industri pelancongan seterusnya meningkatkan permintaan tenaga buruh untuk menyokong peluasan operasi perniagaan. Pasaran buruh terus bertambah baik dengan pengurangan kadar pengangguran negara daripada 4.6% pada tahun 2021 kepada 4.1% pada S1 tahun 2022.

89. IMF mengunjurkan ekonomi Malaysia akan berkembang pada kadar 5.7% pada tahun 2023. Justeru, tumpuan Bajet 2023 adalah untuk memperkukuh pemulihan Malaysia dengan memanfaatkan peluang dan pertumbuhan global. Melangkaui fasa pemulihan, Bajet 2023 akan beralih ke arah memulakan pembaharuan bagi memudah cara pewujudan peluang pekerjaan dan pendapatan yang lebih baik, meningkatkan kesejahteraan rakyat serta menggalakkan pembangunan sosioekonomi yang inklusif dan mampan demi Keluarga Malaysia. Dengan ketegangan geopolitik serta harga komoditi dan makanan global yang semakin meningkat, Bajet 2023 perlu memperkukuh daya tahan Malaysia terhadap risiko dan membantu mengurangkan kesan ketidakpastian dan inflasi global ke atas Keluarga Malaysia.

90. Bajet 2023 akan memberi tumpuan kepada kedudukan fiskal yang lebih mampan melalui peningkatan hasil dan perbelanjaan berhemat; meningkatkan kesejahteraan rakyat melalui peningkatan pendapatan, perlindungan sosial serta menyediakan bantuan kerajaan yang lebih bersasar. Selain itu, tumpuan juga akan diberi untuk meningkatkan daya saing PKS, produktiviti serta memberi tumpuan kepada usaha potensi pertumbuhan baharu untuk memacu sektor perniagaan.

91. Dalam memastikan program khusus dilaksanakan dengan cekap dan berkesan pada tahun 2023, Kerajaan akan melaksanakan pelbagai sesi libat urus dan konsultasi dengan semua pihak berkepentingan secara berkala. Pendekatan *the-Whole-of-Nation* akan digunakan dengan agensi kerajaan berkaitan perlu mendapatkan input dan cadangan daripada pelbagai pihak berkepentingan bagi memastikan bajet yang dirangka bersifat komprehensif dan inklusif selaras dengan semangat “Keluarga Malaysia”. Justeru, Kerajaan berharap agar penerbitan Kenyataan Pra-Bajet ini dapat membantu dalam memberi panduan tentang keutamaan Bajet 2023 bagi membolehkan penyediaan input dan cadangan daripada orang awam dan pihak berkepentingan secara lebih berfokus demi menghasilkan bajet yang akan memenuhi kehendak orang awam, komuniti perniagaan dan Kerajaan.